

BERITA HARIAN

DATE: 20/6/2008

Pak Lah tak mahu bazir masa layan kritikan

Perdana Menteri tidak tertekan tohmahan, terus mandat rakyat

Oleh Norfatimah Ahmad,
Magendran Rajagopal,
Amin Ridzuan Ishak
dan Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak mahu membazir masa dan tenaga melayan kritikan serta kemarahan segelintir pihak yang sengaja mahu menimbulkan masalah, sebaliknya akan terus menumpukan kepada usaha memenuhi mandat rakyat untuk mentadbir negara.

Perdana Menteri berkata, teguran dan kritikan adalah perkara biasa bagi ahli politik yang sudah lama berkhidmat tetapi yang lebih penting baginya ialah banyak tugas lain lebih bermanfaat perlu dilakukannya berbanding menjawab pelbagai tohmahan tidak berasas.

"Jika tak ada kerja melainkan duduk fikir orang yang mengkritik atau marah kepada saya saja, tak boleh. Saya pun ada kerja, ada tanggungjawab.

"Sebagai ahli politik, ini akan ber-

laku... banyak tuduhan akan dibuat. Apa yang penting ialah kita jangan terasa diganggu kerana banyak tugas dan tanggungjawab lain perlu diberi perhatian. Oleh itu, tidak perlu biar diri dipesongkan oleh isu yang timbul dari masa ke masa.

"Apa yang perlu diingat ialah mandat yang kita dapat daripada rakyat cukup kuat dengan majoriti yang cukup besar untuk kita tubuhkan kerajaan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat tergepang Dewan Tertinggi Ba-

“*Jika tak ada kerja melainkan duduk fikir orang kritik, tak boleh. Saya pun ada kerja, ada tanggungjawab”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

risan Nasional (BN), di sini semalam.

Mesyuarat tergepang itu diadakan berikutan tindakan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, mendakwa partinya hilang kepercayaan terhadap kepemimpinan Abdullah, dalam satu sidang akhbar kelmarin.

Dalam mesyuarat tergepang itu semalam, 13 parti komponen BN sebulat suara mengutuk tindakan Yong sambil menyifatkannya sebagai tidak berprinsip, tidak beretika dan bercanggah dengan semangat permuafakatan gagasan itu.

Perdana Menteri menegaskan, beliau perlu tumpukan perhatian terhadap apa yang harus dilaksanakan demi kebaikan negara serta manfaat kepada rakyat dan pada masa yang sama, jika ada masalah yang boleh ditangkis, langkah bersesuaian perlu diambil.

Berhubung sama ada cabaran dalam kepemimpinannya itu bersifat membina dan boleh menstabilkan ekonomi, Abdullah berkata pengu- rusan ekonomi yang baik perlu di-

utamakan.

"Baru-baru ini, ketika saya menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) bagi Asia Timur di ibu negara, ramai wakil media asing berkata, cabaran dalam soal politik adalah perkara biasa yang dilihat di mana-mana negara.

"Tapi mereka gembira melihat kita dapat stabilkan ekonomi, pentadbiran semuanya berjalan dengan baik termasuk kaedah kita menguruskan isu yang sukar seperti kenaikan harga minyak. Mereka turut mengucapkan tahniah kepada saya," katanya.

Ditanya sama ada mesyuarat tergepang semalam turut mengeluarkan sebarang amaran kepada pemimpin parti komponen BN, Abdullah berkata tindakan itu tidak perlu kerana masing-masing sudah tahu tugas dan tanggungjawab.

Katanya, semua pemimpin parti komponen BN juga berikrar untuk memelihara semangat permuafakatan supaya gagasan itu lebih kuat serta dapat melaksanakan amanah yang diberi rakyat pada pilihan raya umum lalu.

BH - 20/6/2008